



**PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN (PWBT)
ANTARA SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
WILAYAH UTARA SARAWAK 2018**

**TEMA :
Perubatan Tradisional Dalam Kalangan Etnik
di Wilayah Utara Sarawak**

01 Februari 2018 – 31 September 2018

ANJURAN :

PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI

Latar Belakang

Sarawak bukan sahaja dianugerahkan dengan pelbagai sumber asli dan keindahan alam semula jadi, tetapi juga kaya dengan warisan sejarah dan budaya yang tinggi nilainya. Pemeliharaan warisan tempatan merupakan pelaburan yang baik kerana nilai estetika dan sejarahnya sama penting untuk menjadi daya tarikan pelancong.

Selaras dengan falsafah Pustaka iaitu "*Masyarakat berilmu dan berasaskan maklumat memerlukan forum untuk bertukar-tukar pendapat secara intelektual di kalangan masyarakat, sebuah pusat ilmu untuk minda dan idea disatukan, dan pengaksesan kepada maklumat, pengetahuan, teknologi dan budaya yang tidak dibatasi oleh sempadan geografi*", pelbagai program dan aktiviti diadakan secara konsisten bagi merealisasikan visi dan misi organisasi.

Pertandingan Warisan Budaya Tempatan merupakan satu pertandingan berbentuk penyelidikan yang mensasarkan penyelidik muda dari sekolah-sekolah menengah ini telah diadakan sejak tahun 2008, merupakan salah satu platform untuk mengumpul input berkaitan dengan warisan budaya tempatan melalui tema-tema yang dipertandingkan dan sekaligus dapat menyumbang kepada pembangunan koleksi Sarawakiana.

Tahun 2017 merupakan penganjuran tahun yang kesepuluh (ke – 10), dan juga merupakan pertama kali pertandingan ini diperluaskan ke seluruh sekolah menengah di Wilayah Utara Sarawak yang meliputi kawasan dari Miri, Bintulu, Baram, Limbang dan Lawas. Sebanyak 48 penyertaan diterima, dengan 28 kumpulan dari 14 buah sekolah menengah di Wilayah Utara Sarawak berjaya menyiapkan dan membentangkan hasil kajian mereka.

Pertandingan ini sekali lagi diadakan dan terbuka kepada semua sekolah-sekolah menengah di Wilayah Utara Sarawak dengan tema kajian yang berlainan setiap tahun. Tema kajian yang telah dipertandingkan adalah :

1. Sejarah kaum – Adat Istiadat Kaum Orang Ulu di Utara Sarawak
2. Permainan Tradisional Sarawak
3. Kuih Muih Tradisional Sarawak
4. Tokoh-Tokoh Tempatan, Wilayah Utara Sarawak
5. Tempat-Tempat Bersejarah Di Wilayah Utara Sarawak
6. Warisan Tinggalan Budaya Dalam Kalangan Etnik di Wilayah Utara Sarawak
7. Kraftangan Tradisional Sarawak
8. Herba dan Tumbuhan Dalam Kehidupan Etnik Tempatan di Sarawak
9. Cerita Rakyat dan Mitos di Kalangan Rakyat di Sarawak.
10. Kraftangan Tradisi Dalam Kalangan Etnik di Wilayah Utara Sarawak.

Dengan kerjasama pihak Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), pada tahun 2016, hasil kajian yang terbaik dari tahun 2008 sehingga 2015 telah dikompilasikan dalam sebuah buku bertajuk Kompilasi Warisan Budaya Tempatan Wilayah Utara Sarawak 2008-2015.

Objektif Program

Program ini bertujuan untuk :

1. Mendedahkan para peserta dalam penggunaan sumber maklumat bercetak dan tidak bercetak mengenai bahan-bahan tempatan, sejarah kaum, tradisi, budaya, sosio-ekonomi, norma hidup sesuatu kaum dan sebagainya secara terperinci di negeri Sarawak.
2. Membimbing para peserta dalam pencarian maklumat melalui sumber yang sahih, merancang, mengumpul, menganalisis, mentafsir, mensintesis, merumus dan merekod maklumat yang diperolehi untuk membentuk hasil kajian yang lengkap dan komprehensif.
3. Melahirkan pelajar yang celik maklumat serta mampu mengadaptasi kemahiran dan pengalaman dalam bidang penulisan penyelidikan untuk persediaan ke peringkat yang lebih tinggi.

PENYERTAAN ;

1. Pertandingan Warisan Budaya Tempatan untuk tahun 2018 dibuka kepada sekolah-sekolah menengah di Wilayah Utara Sarawak iaitu Bahagian Miri, Baram, Bintulu, Lawas dan Limbang.
2. Surat jemputan penyertaan ke sekolah-sekolah menengah di Wilayah Utara Sarawak akan dikeluarkan oleh pihak Pustaka Negeri Sarawak, Miri pada bulan Januari 2018 nanti berserta dengan surat kebenaran daripada Pejabat Pendidikan Negeri Sarawak.
3. Borang penyertaan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada pihak penganjur (Pustaka Negeri Sarawak, Miri) sebelum atau pada hari **Jumaat, 15 Februari 2018**. Penyertaan adalah PERCUMA.
4. Setiap sekolah dibenarkan menghantar maksimum **lima (5) buah kumpulan** dan pemilihan tajuk adalah bebas dan hendaklah mengikut tema yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.
5. Setiap kumpulan hendaklah mempunyai minimum **dua (2) orang ahli** dan maksimum **empat (4) orang ahli**. Setiap kumpulan hendaklah mempunyai guru pembimbing.
6. **Borang Penyertaan** adalah seperti pada **Lampiran 4**.

BENGKEL DAN TAKLIMAT PERTANDINGAN ;

1. Sekolah yang telah menghantar dan mengesahkan penyertaan dikehendaki untuk mengikuti taklimat dan bengkel yang telah dijadualkan.
2. Bengkel dan taklimat akan diadakan di Bahagian Miri, Baram, Bintulu, Lawas dan Limbang adalah seperti pada **Tentatif Jadual Pelaksanaan (Lampiran 3)**.
3. Sila rujuk **Lampiran 1** untuk tentatif aturcara / jadual bengkel yang akan diadakan di setiap bahagian di Wilayah Utara Sarawak. Perubahan tarikh taklimat dan bengkel akan dimaklumkan kepada peserta dari semasa ke semasa.

TEMA KAJIAN PENYELIDIKAN PERTANDINGAN ;

Tema penyelidikan Pertandingan Warisan Budaya Tempatan tahun 2018 adalah :

PERUBATAN TRADISIONAL DALAM KALANGAN ETNIK DI WILAYAH UTARA SARAWAK.

LAPORAN KAJIAN PENYELIDIKAN ;

1. Setiap kumpulan dikehendaki menyediakan laporan penyelidikan mengikut tajuk yang telah dipilih oleh setiap kumpulan dan tajuk atau hasil penyelidikan hendaklah mengikut tema yang telah diberi oleh pihak penganjur.
2. Buku laporan penyelidikan hendaklah dibuat mengikut format yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur seperti pada **Lampiran 2** yang disertakan.
3. Laporan hendaklah dalam bentuk **folio atau hardcopy**, mengikut format yang disediakan oleh pihak penganjur.
4. Laporan kajian dalam bentuk *softcopy Microsoft Word (.doc) dan pdf*, gambar yang jelas (*.jpg*), rakaman video (*.mp4 / .wmv*) dan bahan rujukan hendaklah disertakan bersama laporan bercetak dan disimpan dalam *pen drive/CD/DVD*.
5. Laporan kajian yang dihantar hendaklah menggunakan **Bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** dan telah disemak oleh guru pembimbing.
6. Semua kos perbelanjaan dalam membuat penyelidikan dan penghasilan kajian ditanggung sepenuhnya oleh peserta atau sekolah.
7. Semua kumpulan mesti menghantar laporan kajian masing-masing selewat-lewatnya pada **Selasa, 31 Julai 2018**.
8. Laporan kajian hendaklah hasil usaha kumpulan dan tidak diplagiat.
9. Sumber rujukan daripada buku, suratkhobar, jurnal, pemberi maklumat, laman sesawang, gambar dan sebagainya hendaklah disertakan bersama laporan.
10. Laporan dan dokumen berkaitan kajian akan menjadi hak milik penganjur untuk penghasilan dan pemeliharaan bahan rujukan di masa akan datang.
11. Keputusan hakim adalah Muktamad.

PEMBENTANGAN HASIL KAJIAN

1. Setiap kumpulan dikehendaki membentangkan hasil kajian kumpulan dihadapan barisan panel juri.
2. Tempoh pembentangan hasil kajian kumpulan ialah selama 12 minit (2 minit persiapan / montaj, 10 minit pembentangan).
3. Bentuk pembentangan adalah bebas dan mengikut kreativiti kumpulan masing-masing.
4. Sesi soal jawab akan diadakan selepas kumpulan membuat pembentangan di hadapan barisan panel juri.
5. Markah untuk pembentangan menyumbang kepada 30% daripada markah keseluruhan kajian.
6. Pihak penganjur hanya menyediakan satu (1) komputer riba / laptop dan projektor sahaja semasa sesi pembentangan. Lain-lain keperluan seperti susun atur di atas pentas hendaklah disediakan oleh peserta sendiri dan dimaklumkan kepada pegawai bertugas.
7. Tentatif tarikh pembentangan hasil kajian adalah pada bulan **September 2018**. Tarikh sebenar akan dimaklumkan kepada peserta dari semasa ke semasa.

KRITERIA PEMARKAHAN / PENILAIAN PERTANDINGAN ;

Markah setiap kumpulan akan dinilai daripada kriteria seperti berikut :

1. LAPORAN KAJIAN PENYELIDIKAN :

No.	Kriteria	Markah
1.	Kehadiran semasa sesi taklimat dan bengkel	5%
2.	Komitmen, kerjasama dan Carta Perbatuan	5%
3.	Kreativiti, keaslian dan kekemasan hasil kerja	5%
4.	Laporan Kajian	
	i. Pendahuluan	10%
	ii. Latar Belakang Mengenai Kajian/Maklumat Mengenai Topik	10%
	iii. Isi / Penyelidikan	30%
	iv. Rumusan - Kesan/Impak Penyelidikan - Saranan / Cadangan Mengenai Penyelidikan	25%
	v. Penutup : Harapan dan Ucapan Penghargaan	5%
5.	Rujukan/Bibliografi	5%
Jumlah keseluruhan :		100%

2. PERSEMBAHAN / PEMBENTANGAN KUMPULAN

No.	Kriteria	Markah
1.	Slaid pembentangan (isi kandungan, susunan/tertib, kesesuaian)	25%
2.	Penyampaian (keyakinan, bahasa badan, nada suara)	25%
3.	Kreativiti (pakaian, aturan atas pentas, penggunaan prop, demonstrasi)	15%
4.	Disiplin dan Kerjasama (ketepatan masa, koordinasi pembentangan)	15%
5.	Bahasa Penyampaian (tidak mencampur aduk bahasa, kelancaran, bersesuaian)	10%
6.	Sesi Soal Jawab (jawapan yang diberi, keyakinan diri)	10%
Jumlah keseluruhan :		100%

70% daripada markah keseluruhan buku laporan kajian kumpulan akan dicampur dengan 30% daripada markah keseluruhan pembentangan kumpulan. Kumpulan yang memperoleh markah tertinggi akan diumumkan sebagai pemenang.

HADIAH PERTANDINGAN ;

Johan : Wang Tunai RM3,000.00 + Piala + Sijil Penyertaan + Sijil Kemenangan
Naib Johan : Wang Tunai RM2,000.00 + Piala + Sijil Penyertaan + Sijil Kemenangan
Ketiga : Wang Tunai RM1,000.00 + Piala + Sijil Penyertaan + Sijil Kemenangan
Saguhati : Wang Tunai RM300.00 + Piala + Sijil Penyertaan (7 Kumpulan)

Anugerah Guru Pembimbing Terbaik : Wang Tunai RM500.00 + Sijil

Anugerah Persembahan Terbaik : Wang Tunai RM500.00 + Sijil

Kumpulan yang tidak berjaya tersenarai di dalam 10 kumpulan terbaik akan menerima wang saguhati sebanyak RM100.00, Cenderamata dan Sijil Penyertaan daripada pihak penganjur.

Majlis penyampaian hadiah pertandingan dijangka akan diadakan pada bulan September 2018. Maklumat lanjut mengenai majlis penyampaian hadiah pertandingan akan dimaklumkan kepada semua peserta dari semasa ke semasa.

Kesimpulan

Diharapkan pertandingan ini mendapat kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan/puan dalam usaha memelihara dan memartabatkan warisan budaya dalam kalangan etnik di Sarawak agar ianya *Tidak Lupus di Telan Dek Zaman* dan akan menjadi rujukan untuk generasi akan datang.

PEGAWAI SERANTA

1 Pn. Lilian Baun Pulo	☎ 085-422525 (221) / 013-8395548	✉ lilianbp@sarawak.gov.my
2 En. Mohd. Khadzrie	☎ 085-422525 (307)	✉ khadzrrf@sarawak.gov.my
3 En. Abdul Aziz Kassim	☎ 085-422525	✉ abdulak@sarawak.gov.my
4 Pn. Zuwahir Ilias	☎ 085-422525	✉ zuwahiri@sarawak.gov.my

**TENTATIF ATURCARA BENGKEL
PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN ANTARA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH WILAYAH UTARA SARAWAK 2018
(Limbang, Lawas, Baram, Miri, Subis, Bintulu & Tatau)**

HARI PERTAMA	
8:00 pagi	Pendaftaran Peserta
8:30 pagi	Taklimat PWBT
9:00 pagi	Bengkel Kemahiran Literasi Maklumat
10:00 pagi	Minum Pagi
10:30 – 11:00 pagi	Bengkel Kemahiran Literasi Maklumat
11:00 pagi	Bengkel Rujukan dan Bibliografi
12:30 tengah hari	Makan Tengah Hari / REHAT
2:00 petang	Bengkel Rujukan dan Bibliografi
3:30 petang	Latihan Rujukan dan Bibliografi
5:00 petang	Minum Petang & Bersurai
HARI KEDUA	
8:00 pagi	Recap
8:30 pagi	Bengkel Penulisan Kajian
10:00 pagi	Minum Pagi
10:30 pagi	Bengkel Penulisan Kajian
11:30 pagi	Latihan Penulisan
12:30 tengah hari	Makan Tengah Hari / REHAT
2:00 petang	Modul Pembentangan
3:30 petang	Latihan Pembentangan
5:00 petang	Minum Petang & Bersurai
HARI KETIGA	
8:00 pagi	Recap
8:30 pagi	Bengkel Sejarah Lisan
10:00 pagi	Minum Pagi
10:30 pagi	Bengkel Sejarah Lisan
11:00 pagi	Latihan Sejarah Lisan
12:30 tengah hari	Makan Tengah Hari / REHAT
2:00 petang	Bengkel Rakaman Wawancara
3:30 petang	Latihan Wawancara
5:00 petang	Minum Petang & Bersurai

FORMAT LAPORAN KAJIAN PENYELIDIKAN

1. Kandungan utama laporan adalah seperti berikut :

3.1 **Kulit Muka Hadapan.**

Kulit Muka Hadapan hendaklah mengandungi :

- 3.1.1 Nama Pertandingan
- 3.1.2 Logo dan Nama Sekolah
- 3.1.3 Tajuk Penuh Laporan
- 3.1.4 Nama Kumpulan
- 3.1.5 Nama Penganjur

Contoh adalah seperti di bawah :

PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN ANTARA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI WILAYAH UTARA SARAWAK 2018



SMK KIDURONG, BINTULU
97000, BINTULU, SARAWAK

TAJUK KAJIAN :

TAPAN, KRAFTANGAN TRADISI KAUM KENYAH

OLEH:

KUMPULAN SARAWAKIANA

ANJURAN:

PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI
Dengan Kerjasama
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

3.2 **Maklumat Ahli Kumpulan.**

Maklumat ahli kumpulan dan guru pembimbing hendaklah disertakan seperti butiran berikut:

- 3.2.1 Nama penuh mengikut kad pengenalan (Guru Pembimbing & Ahli Kumpulan)
- 3.2.2 Nombor kad pengenalan
- 3.2.3 Nombor telefon bimbit dan sekolah
- 3.2.4 Alamat Emel
- 3.2.5 Nama dan alamat sekolah
- 3.2.6 Gambar berukuran pasport

3.3 **Penghargaan.**

Contoh penghargaan adalah seperti berikut :

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Temenggong Elizabeth Deng
(Ketua Masyarakat Kaum Kayan Bahagian Miri)

Ketua Kampung Pn. Lucia Paya
Pengetua, SMK Kidurong, Bintulu

dan semua yang telah memberi kerjasama dan sokongan di dalam menjayakan penyelidikan ini.

3.4 **Isi Kandungan**

Nyatakan isi kandungan laporan dan muka surat.

3.5 **Hasil Laporan Kajian**

Kandungan untuk laporan kajian adalah seperti yang dikehendaki dalam kriteria penilaian pemarkahan.

3.6 **Lampiran**

Dokumen sokongan seperti gambar, borang maklumbalas, surat dan sebagainya hendaklah dilampirkan di bahagian belakang buku laporan.

KAEDAH PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

**TENTATIF JADUAL PELAKSANAAN
PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN ANTARA SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
WILAYAH UTARA SARAWAK 2018**

NO.	AKTIVITI/PROGRAM	TARIKH
1	Kertas Kerja PWBT antara sekolah-sekolah menengah wilayah utara Sarawak 2018	Disember 2017
2	Promosi : Banner, Brosur, Socmed	Januari 2018
3	Jemputan Penyertaan Ke Sekolah	Januari 2018
4	Surat Lantikan Panel Juri PWBT 2018	Februari
5	Tarikh Tutup Penyertaan PWBT 2018	15 Februari 2018
6	Taklimat & Bengkel PWBT : Limbang	20 – 22 Februari 2018
7	Taklimat & Bengkel PWBT : Lawas	20 – 22 Februari 2018
8	Taklimat & Bengkel PWBT : Marudi	06 – 08 Mac 2018
9	Taklimat & Bengkel PWBT : Bintulu	26 – 28 Mac 2018
10	Taklimat & Bengkel PWBT : Tatau	26 – 28 Mac 2018
11	Taklimat & Bengkel PWBT : Miri	02 – 04 April 2018
12	Taklimat & Bengkel PWBT : Subis	02 – 04 April 2018
13	Tarikh Akhir hantar laporan kajian	31 Julai 2018
14	Mesyuarat AJK PWBT 2018	Ogos 2018
15	Mesyuarat Bersama panel Juri PWBT 2018	Ogos 2018
16	Penilaian laporan kajian peserta PWBT 2018	Ogos – September 2018
17	Taklimat & Reheasel Pembentangan PWBT 2018	September 2018
18	Hari Pembentangan Hasil kajian PWBT 2018	September 2018
19	Mesyuarat Keputusan PWBT 2018	September 2018
20	Majlis Penyampaian Hadiah PWBT 2018	September 2018



BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN ANTARA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI WILAYAH UTARA SARAWAK 2018
ANJURAN PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI
DENGAN KERJASAMA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK.

NAMA SEKOLAH :

ALAMAT SEKOLAH :

NOMBOR TELEFON : NO. FAX :

ALAMAT E-MEL :

NAMA KUMPULAN :

TAJUK PENYELIDIKAN :

GURU PEMBIMBING :

NO. KAD PENGENALAN : NO. TEL :

NAMA AHLI KUMPULAN :

1. NO. KP :

2. NO. KP :

3. NO. KP :

4. NO. KP :

TANDATANGAN PENGETUA

.....

NAMA :

JAWATAN :

TARIKH :

Cop sekolah

Sila kembalikan borang yang telah ditandatangani melalui talian faksimili atau serahan tangan pada atau sebelum **Khamis, 15 Februari 2018** kepada :

Pustaka Negeri Sarawak, Miri

Jalan Kipas, Miri City Fan, 98000 Miri, Sarawak.

Telefon : 085 – 422525

Faks : 085 - 414444

(U.P : Pn. Lilian Baun Pulo / En. Abdul Aziz Kassim / Pn. Zuwahir Ilias)